

10/08/2000

Hukuman Anwar kes biasa: PM

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap hukuman yang dijatuhkan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim bersabit tuduhan meliwat, sebagai kes biasa di mahkamah dan bukannya satu konspirasi politik.

"Mustahil di Malaysia boleh ada konspirasi sebesar itu yang melibatkan beratus-ratus orang, tanpa diketahui awal-awal lagi sebelum ianya dijalankan," kata Perdana Menteri dalam wawancara dengan Pengarang Urusan Eksekutif Saudi Gazette, Faheem Al-Hamid, di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Teks temubual itu disiarkan hari ini dalam E-Umno, akhbar elektronik milik parti itu.

Dr Mahathir berkata, Anwar tidak pernah menyebut mengenai sebarang konspirasi sebelum ini tetapi hanya menyatakannya selepas beliau ditangkap.

Perdana Menteri juga berkata, orang ramai tahu bahawa Anwar adalah orang yang terlibat dalam satu bentuk konspirasi untuk cuba menaikkan dirinya sebagai Perdana Menteri lebih awal dari waktu yang beliau jangka berkemungkinan memegang jawatan itu.

Dalam reaksi pertamanya berhubung keputusan mahkamah mendapati Anwar bersalah dan dihukum penjara sembilan tahun tanpa sebatan, Dr Mahathir berkata, ia adalah keputusan mahkamah berdasarkan keterangan yang diberikan.

"Saya pasti mahkamah menjatuhkan hukuman berkenaan kerana mahkamah rasa ia adalah hukuman yang betul. Semuanya bergantung kepada mahkamah untuk membuat keputusan ... ia mempunyai kata putus," katanya.

Dr Mahathir berkata, undang-undang di negara ini tidak pernah memihak kepada kawan atau mereka yang mempunyai kedudukan penting kerana mangsa juga perlu menerima keadilan.

Ditanya sama ada keadaan akan menjadi biasa antara beliau dan Anwar selepas bekas timbalannya itu selesai menjalani hukuman, Dr Mahathir berkata, itu terpulang kepada orang ramai.

"Jika orang ramai mahukan beliau, ya, mereka boleh menerimanya tetapi undang-undang negara ini perlu diambil kira. Yang pasti ialah apabila dia ditangkap, dihadapkan ke mahkamah dan didapati bersalah, dia perlu menjalani hukuman seperti orang lain juga," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Anwar masih berpeluang merayu kepada mahkamah sebagaimana kes lain yang dibicarakan di Malaysia.

Malah, Dr Mahathir berkata, perbicaraan kes Anwar itu sendiri memakan masa yang panjang dan belum ada perbicaraan yang berlarutan selama itu.

Perdana Menteri berkata, Anwar sudah diberi peluang seluas-luasnya untuk mempertahankan dirinya terhadap tuduhan meliwat tetapi Anwar memilih untuk menuduh semuanya adalah konspirasi kerajaan semata-mata.

(END)